

Contributions of Egypt Alumni in Education and Literature in Malaya and Indonesia, 1920s-1970s

Sumbangan Lepasan Mesir Dalam Bidang Pendidikan dan Penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia, 1920-an Hingga 1970-an

Abu Hanifah Haris

abuhanifah@um.edu.my

Jabatan Sejarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Mohammad Redzuan Othman

mredzuan@um.edu.my

Jabatan Sejarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Article received on 26 March 2013; Article published online on 30 April 2013.

Abstract

Since the 1920's, there was a drastic increase in the number of students from Malaya and Indonesia studying in Cairo, especially al-Azhar University. These students were actively involved in societies and magazine publishing, as well as in student activism. When they returned home, many contributed to the development of various fields, including education and literature in Malaya and Indonesia. Among the earliest, was Muhammad Fadhlullah Suhaimi who was involved in the establishment of Arabic schools in Singapore, Johor and Kelantan. He also founded a college in Wonosobo, East Java. In Indonesia, an Egyptian university alumnus who played an important role in education was Abdul Kahar Muzakkir. He was directly involved in the establishment of the IAIN Sunan, Yogyakarta. Abdul Wahab Abdullah was active in newspaper and magazine journalism as well as religious book publishing and literature in Malaya. Muhammad Fadhlullah himself was appointed as writer of a magazine *Temasek* and a Malay newspaper, *Utusan Melayu*. In Indonesia, Mahmud Yunus wrote many religious books and published Quranic tafsir. After Indonesia and Malaya achieved independence, Egypt alumni continued to contribute significantly in the field of education and literature.

Key Words: Egypt Alumni, Education, Literature, Malaya and Indonesia

Abstrak

Sejak tahun 1920-an, terdapat peningkatan yang drastik dalam jumlah pelajar Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia yang menyambung pengajian Kaherah, khususnya di Universiti al-Azhar. Pelajar Melayu di Kaherah bukan sahaja terlibat dalam kegiatan persatuan dan penerbitan majalah, tetapi juga terlibat dalam kegiatan politik. Selepas pulang ke tanah air, lulusan Mesir telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan pelbagai bidang, khususnya bidang pendidikan dan penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia. Pengalaman dan pendedahan yang diperoleh semasa berada di Kaherah membantu mereka memajukan bidang pendidikan. Sekembalinya ke tanah air masing-masing, mereka menubuhkan dan menjadi tenaga pengajar madrasah dan sekolah agama. Di Tanah Melayu, lepasan Mesir seperti Muhammad Fadhlullah Suhaimi bukan sahaja terlibat dalam penubuhan madrasah dan sekolah Arab di Singapura, Johor dan Kelantan, tetapi juga pernah mengasaskan madrasah di Wonosobo, Jawa Timur. Di Indonesia pula, Abdul Kahar Muzakkir pernah terlibat secara langsung dalam penubuhan IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Selain itu, lepasan Mesir juga terlibat dalam kegiatan penulisan, khususnya sebagai pengarang akhbar, majalah dan buku agama. Di Tanah Melayu, Abdul Wahab Abdullah pernah menjadi pengarang *Saudara* dan *Bumiputera*, manakala Muhammad Fadhlullah pula pernah dilantik sebagai pengarang majalah *Temasek* dan akhbar *Utusan Melayu*. Di Indonesia pula, Mahmud Yunus pernah menghasilkan buku berkenaan hukum perkahwinan, pendidikan Islam di Indonesia dan kitab tafsir al-Quran. Selepas Indonesia dan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, lepasan Mesir terus memberikan sumbangan yang penting terhadap kemajuan bidang pendidikan khususnya sebagai pendidik serta penulisan pelbagai bahan ilmiah di Tanah Melayu dan Indonesia.

Kata Kunci: *Lepasan Mesir, Pendidikan, Penulisan, Tanah Melayu dan Indonesia*

1. Pendahuluan

Pemergian ramai pelajar Melayu ke Mesir untuk menyambung pelajaran sejak awal abad ke-20, khususnya di Universiti al-Azhar merupakan satu fasa penting dalam perubahan kehidupan masyarakat Melayu. Pengalaman berada di Mesir bukan sahaja mendedahkan pelajar-pelajar Melayu terhadap pelbagai ilmu pengetahuan khususnya ilmu-ilmu Islam dan berpeluang untuk menuntut ilmu dengan ulama al-Azhar yang terkenal, tetapi juga mendedahkan mereka dengan perjuangan kebangsaan yang sedang berkembang pesat di Mesir ketika itu. Terdapat juga segelintir pelajar Melayu yang pernah berhubungan dengan tokoh politik Mesir dan parti-parti politik di Mesir, sekali gus mencorakkan pemikiran dan pandangan mereka terhadap politik dan memberi inspirasi kepada mereka untuk menggerakkan semangat kebangsaan apabila pulang di tanah air. Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi ketika berada di Mesir bukan sahaja membantu mereka untuk menjadi pendidik dan pengarang yang berwibawa, tetapi turut menyumbang kepada perkembangan bidang pendidikan dan penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia.

Perbincangan artikel ini akan dimulakan dengan perbincangan mengenai kegiatan pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah, khususnya penglibatan mereka dalam kegiatan menerbitkan akhbar dan majalah, penubuhan syarikat percetakan dan penubuhan persatuan. Perbincangan seterusnya akan membicarakan sumbangan lepasan Mesir dalam bidang pendidikan, khususnya sebagai guru dan pendidik. Perbincangan terakhir akan tertumpu kepada sumbangan lepasan Mesir dalam bidang penulisan, khususnya sebagai pengarang akhbar dan majalah serta penulis buku dan kitab agama.

2. Kegiatan Pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah

Pelajar Melayu dari Tanah Melayu dan Indonesia yang menyambung pengajian di Mesir bukan sahaja giat untuk menuntut pelbagai ilmu, tetapi juga terlibat secara aktif dalam kegiatan lain seperti menubuhkan syarikat percetakan, menerbitkan majalah dan menubuhkan persatuan. Penubuhan syarikat percetakan oleh pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah banyak dibantu oleh kemudahan yang wujud di Mesir pada waktu itu. Syarikat percetakan pertama yang ditubuhkan oleh pelajar yang menuntut ilmu di Mesir ialah *al-Matba'ah al-Ittihādiyyah* yang diasaskan oleh Muhammad Fadlullah Suhaimi pada tahun 1914 (*Neracha*, 25 Februari 1914: 3). Pelajar Melayu di Kaherah yang paling berjaya menjadi penerbit ialah Muhammad Idris al-Marbawi yang mengasaskan *al-Matba'ah al-Marbawiyyah* pada tahun 1927 (Abdullah al-Qari Haji Salleh, 1967: 113).¹ Pada tahun 1927 juga sekumpulan pelajar Melayu di Kaherah telah mengasaskan sebuah lagi syarikat pencetakan yang diberi nama *al-Matba'ah al-Taqaddim* dengan projek utamanya ialah mencetak majalah *Pilehan Timoer* (*Pilehan Timoer*, Oktober 1927: 16). Syarikat percetakan tersebut bukanlah syarikat percetakan pertama yang beroperasi di Timur Tengah. Sebelum itu, Shaykh Ahmad al-Fatani dan Ahmad Mujallid pernah menubuhkan syarikat percetakan di Makkah dan

¹ Antara tulisan yang pernah diterbitkan oleh *al-Matba'ah al-Marbawiyyah* ialah sebuah tulisan Shaykh Tahir Jalaluddin berkenaan perdebatan dalam permasalahan fiqh. Lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ini Huraiyan Yang Membakar: Taman Persuraian Haji Bakar Pada Menyatakan Hukum Dua Rakaat Qabliyyah al-Jumu'ah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyyah, 1932. Syarikat penerbitan tersebut juga pernah menerbitkan sebuah kitab tulisan Shaykh Junid Tola berkaitan wakaf (Shaykh Junid Tola al-Azhari, 1929).

muncul sebagai pengedar buku Melayu yang penting di Makkah sehingga awal abad ke-20 (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman, 2000: 63).

Selain syarikat percetakan sendiri, pelajar Melayu di Kaherah juga terlibat dalam kegiatan penerbitan majalah dan buku. Majalah pertama yang diterbitkan oleh *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* iaitu *Ittihād* yang bukan sahaja merupakan majalah dalam bahasa Melayu yang pertama diterbitkan di Mesir, tetapi juga merupakan majalah pertama yang diterbitkan di luar negeri (*Neracha*, 1 Januari 1913: 4).² Walaupun kegiatan politik dalam kalangan pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Kaherah dapat dilihat dengan ketara selepas penubuhan *al-Jam'iyyah al-Khairiyah*, namun kesedaran politik dalam kalangan mereka sebenarnya telah wujud sejak penerbitan *Ittihād* pada tahun 1913 (Mohammad Redzuan Othman, 1994: 233-234). Melalui majalah ini, kecenderungan politik mereka dizahirkan secara jelas seperti menyatakan sokongan kepada pergerakan rakyat Indonesia yang menubuhkan badan seperti Sarekat Islam dan Budi Utomo (Taufik Abdullah, 1971: 143). Akhbar *Neracha* juga pernah mencabar pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Eropah agar mengambil inisiatif yang serupa dengan menerbitkan majalah mereka sendiri (*Neracha*, 26 Februari 1913: 1). Namun begitu, tidak banyak maklumat yang diperoleh tentang majalah ini kerana tiada sebarang salinannya yang dapat ditemui pada hari ini. Penerbitan majalah ini tidak berlanjutan selepas 1914 setelah diterbitkan selama setahun dan terpaksa diberhentikan kerana masalah kewangan (*Pengasoh*, 1 November 1925: 19).

Majalah kedua yang diterbitkan oleh pelajar Melayu di Kaherah ialah *Seruan Azhar* yang merupakan lidah rasmi *al-Jam'iyyah al-Khairiyah*.³ Majalah ini dicetak dalam tulisan jawi dan diterbitkan secara bulanan. Sepanjang hayatnya, *Seruan Azhar* telah diterbitkan sebanyak 31 keluaran.⁴ Keluaran sulung majalah ini telah diterbitkan pada bulan Oktober 1925 manakala keluaran terakhir telah diterbitkan pada bulan Mei 1928. Ketua pengarang *Seruan Azhar* yang pertama ialah Djajan Taib.⁵ Salah seorang saudara Djajan Taib bernama Malim Menara iaitu seorang pedagang yang berasal dari Padang juga dipercayai telah memberikan bantuan kewangan kepada beliau bagi membiayai penerbitan majalah *Seruan Azhar* (CO 273/534/16, April 1926). Jawatan pengarah majalah tersebut pula disandang oleh Raden Fathul Rahman Kafrawy. Pengarang-pengarangnya terdiri daripada Ilyas Ya'acob, Muhammad Idris al-Marbawi, Abdul Wahab Abdullah dan Mahmud Yunus (*Seruan Azhar*, Oktober 1925: 1; A. M.

² Memandangkan tiada nashkah *Ittihād* yang dapat ditemui pada hari ini, adalah sukar untuk menentukan secara tepat bilakah majalah ini memberhentikan penerbitannya. Maklumat tentang majalah ini cuma diperoleh melalui *Neracha* yang memaklumkan tentang penerimaan nashkah sulungnya. Di samping mengalu-alukan penerbitannya, sidang pengarang *Neracha* juga mencabar pelajar Melayu yang sedang menuntut di Eropah supaya mengambil inisiatif yang sama seperti yang dilakukan oleh pelajar Melayu yang sedang menuntut di Kaherah. (*Neracha*, 26 Februari 1913).

³ Untuk perbincangan lanjut tentang penerbitan, pembiayaan, pengedar dan perberhentian *Seruan Azhar*, lihat Mohammad Redzuan Othman (1994/95: 105-109).

⁴ Meskipun terbitan *Seruan Azhar* pada bulan Mei 1928 dicetak sebagai bilangan 32, hakikatnya majalah ini hanya diterbitkan sebanyak 31 keluaran sahaja. Hal ini kerana bilangan 23 dan 24 merupakan cetakan yang digabungkan dan dianggap sebagai bilangan 23.

⁵ Gambar Djajan Taib disiarkan dalam keluaran pertama *Seruan Azhar*. Ketika keluaran sulung majalah ini terbit, Djajan Taib sedang mengadakan lawatan di Paris. Kata-kata aluan beliau yang mengalu-alukan penerbitan ini hanya diterbitkan dalam keluaran majalah tersebut yang berikutnya. (*Seruan Azhar*, Oktober 1925: 1).

Iskandar Haji Ahmad, 1973: 150). Pengurus *Seruan Azhar* ialah Othman Abdullah. Selaku pengurus, beliau dipercayai telah menggunakan wang yang dihantar oleh bapanya untuk membiayai penerbitan majalah ini (Roff, 1966: 64). *Seruan Azhar* telah dicetak oleh Matbaah al-Tarakki, Kaherah (Seruan Azhar, November 1925).⁶ Pejabat *Seruan Azhar* terletak di alamat No. 8, Atfet al-Masri, Kaherah. Langganan bagi majalah ini ditetapkan sebanyak \$3.00 atau sebanyak 4.00 Rupiah untuk setahun. Penerbitan *Seruan Azhar* juga telah menimbulkan perasaan curiga dalam kalangan pihak British, khususnya dari segi kandungannya yang banyak membincangkan peristiwa penting dalam Islam selain beberapa artikel yang membincangkan tokoh-tokoh terkenal dalam Islam seperti Kemal Ataturk (CO 273/534/16, Disember 1925).

Pada bulan Oktober 1927, sebuah lagi majalah yang diberi nama *Pilehan Timoer* telah diterbitkan oleh pelajar Indonesia di Kaherah.⁷ Penerbitan majalah ini didukung oleh pelajar yang dikaitkan dengan aliran yang lebih radikal menentang penjajah Belanda. Walau bagaimanapun, *Pilehan Timoer* dengan serta-merta diharamkan daripada memasuki Indonesia. Kebimbangan pemerintah Belanda di Indonesia ini mendorong Konsulnya di Kaherah menyampaikan rasa prihatinnya terhadap “unsur-unsur revolusi” yang terdapat di dalam *Pilehan Timoer* kepada kerajaan Mesir dan mendesak supaya majalah ini diharamkan di Mesir dan juga di Tanah Melayu Pada bulan April 1928, pihak pentadbiran British di Mesir tunduk kepada tekanan pihak Belanda dan mengharamkan penerbitan *Pilehan Timoer* (Taufik Abdullah, 1971: 149; *Al-Ikhwān*, 16 Disember 1928: 126-127.). Roff sebaliknya berpendapat bahawa pemberhentian penerbitan *Pilehan Timoer* mempunyai persamaan dengan pemberhentian penerbitan *Seruan Azhar*, iaitu disebabkan masalah kekurangan sumber kewangan (Roff, 1966: 64).

Pelajar Tanah Melayu di Mesir juga pernah menerbitkan buku semasa berada di Kaherah. Satu-satunya pelajar Melayu yang diketahui setakat ini pernah menerbitkan buku semasa menuntut ilmu di Kaherah ialah Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Beliau pernah menghasilkan sebuah buku berjudul *Kitab Pelajaran Tauhid* yang telah diterbitkan oleh *Matba'ah al-Ittihādiyah* pada tahun 1914 (Muhammad Fadlullah Suhaimi, 1914). Pelajar Tanah Melayu di Mesir juga pernah menerbitkan kamus Melayu-Arab semasa menuntut ilmu di Mesir. Sebuah kamus yang diberi nama *Kamus al-Marbawi* pernah diterbitkan oleh Muhammad Idris al-Marbawi pada tahun 1927. Selepas Perang Dunia Kedua, pelajar Melayu di Kaherah tidak lagi terlibat secara aktif dalam kegiatan penulisan, sama ada penerbitan majalah atau buku bercorak. Walau bagaimanapun, penubuhan Persekutuan Melayu Mesir pada tahun 1956 menyaksikan usaha untuk menerbitkan buku dan majalah mula digerakkan semula. Sempena pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, Persekutuan Melayu Mesir telah menerbitkan sebuah buku khusus dalam bahasa Arab berkenaan sejarah Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan berjudul *al-Malāyū al-Mustaqqillah* (*Al-Jam'iyyah al-Malāyūwiyyah bi Misr*, 1957). Pada tahun 1962 pula, Badan Penerangan iaitu salah satu jawatankuasa Persekutuan Melayu Mesir berjaya menerbitkan majalah rasmi

⁶ Laffan berpendapat bahawa *Seruan Azhar* telah dicetak oleh syarikat al-Baby al-Halabi, Kaherah (Laffan, 2004: 6).

⁷ Selain *Ittihād*, *Seruan Azhar* and *Pilehan Timoer*, terdapat dua buah majalah yang telah diterbitkan oleh pelajar Melayu di Kaherah. Salah sebuah daripadanya iaitu *Usaha Pemuda* telah diusahakan oleh Abdulla Aidid dan Ahmad Azhari dan berjaya diterbitkan sebanyak empat keluaran. Sebuah lagi majalah iaitu *Merdeka* telah diterbitkan oleh Kelab Pelajar Antarabangsa Kaherah dan diusahakan oleh Zainuddin Tahir. Tiada maklumat dan kandungan tentang majalah ini yang diperoleh. (Roff, 1970: 86).

persatuan tersebut yang dinamakan sebagai *Warta Persekutuan Melayu Mesir* (*Warta Persekutuan Melayu Mesir*, Jil. 1, No. 1, 15 Februari 1962).

Pelajar-pelajar Melayu di Kaherah juga terlibat dalam kegiatan persatuan. Pada awal abad ke-20, Mesir mula menjadi tumpuan pelajar dari Tanah Melayu dan Indonesia bagi menuntut ilmu, khususnya di Universiti al-Azhar. Pertambahan bilangan pelajar-pelajar Melayu di Kaherah didorong oleh beberapa faktor seperti sistem pendidikan yang sistematik, perkembangan politik semasa dan kemudahan pengangkutan di Mesir, selain kedudukan ekonomi penduduk Tanah Melayu dan Indonesia yang semakin baik akibat kenaikan harga getah (Mohammad Redzuan Othman, 1994/95: 98-100). Kehadiran ramai pelajar Melayu di Kaherah telah menimbulkan keadaan yang mendesak bagi keperluan menyediakan pelbagai kemudahan dan menjaga kebaikan mereka. Persamaan dari segi bahasa, budaya dan jumlah yang secara relatif masih kecil memudahkan kerjasama diwujudkan dalam kalangan pelajar-pelajar ini. Faktor ini membawa kepada penubuhan sebuah persatuan yang dinamakan *al-Jam'iyyah al-Khairiyah al-Talabiyyah al-Azhariyah al-Jāwah* (Persatuan Kebajikan Pelajar-Pelajar Jawa Universiti al-Azhar) pada tahun 1923 yang menggabungkan pelajar dari Alam Melayu (*Seruan Azhar*, November 1925: 35).

Disebabkan idea asal penubuhan persatuan ini adalah untuk memberikan kebaikan, beberapa tahun awal sejak penubuhannya lebih banyak ditumpukan kepada usaha-usaha memberikan khidmat kebaikan kepada ahli-ahlinya. Sebaik-baik sahaja ditubuhkan, *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* telah melancarkan kempen memungut derma bagi menubuhkan sebuah asrama untuk pelajar yang datang ke Kaherah bagi melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar melalui pembiayaan secara wakaf.⁸ Rayuan bagi projek ini juga turut mendapat sokongan daripada Shaykh Rifa'ah al-Tahtawī al-Jawharī, iaitu Shaykh al-Azhar. Sebagai tanda sokongan, beliau telah menulis surat dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk tujuan mendapat derma (CO 537/931, April 1925).⁹ Selain ditujukan kepada umat Islam, rayuan derma turut dipanjangkan kepada pemimpin ternama dalam kalangan umat Islam. Mereka termasuklah Sayyid Hassan al-Attas, iaitu seorang pemimpin keturunan Arab yang kaya di Johor yang berkunjung ke Mesir pada tahun 1923. Rayuan derma ini juga turut diterbitkan dalam *Lembaga Melayu* pada 22, 23 and 24 Januari 1924 (CO 537/931, April 1925). Usaha bagi menubuhkan asrama pelajar ini akhirnya berjaya membuatkan hasil apabila Sayyid Hassan bersetuju untuk membeli dan mewakafkan sebuah rumah yang terletak tidak jauh dari Masjid al-Azhar untuk dijadikan asrama pelajar. Beliau membeli rumah ini pada bulan Mei 1926 ketika mengadakan lawatan kedua ke Kaherah bagi menghadiri Persidangan Khalifah yang diadakan di Kaherah (*Seruan Azhar*, Jun 1926: 171).

⁸ Rayuan yang dibuat oleh *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* bagi mendapatkan derma dilaporkan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Melalui majalah *Seruan Azhar*, persatuan tersebut memaklumkan penerimaan derma daripada individu dari Kaherah, Tanah Melayu dan Indonesia. Lihat umpamanya penerimaan derma sebanyak £1 (Mesir) setiap bulan yang diberikan kepada persatuan tersebut oleh Ṭsā al-Bābī al-Halabī (*Seruan Azhar*, November 1925: 39) dan derma sebanyak £10 (Mesir) oleh Sayyid Hassan Ahmad al-Attas (*Seruan Azhar*, Januari 1926: 74).

⁹ Shaykh Rifa'ah al-Tahtawī al-Jawharī (1862-1940) merupakan seorang ulama yang amat mengambil berat tentang kebaikan pelajar Melayu yang menuntut di Universiti al-Azhar dan begitu prihatin dengan kebaikan mereka sehingga mengusahakan penempatan yang sesuai untuk mereka (*Pengasoh*, 27 November 1924: 3; Laffan, 2007: 709-712).

Walaupun kegiatan utama *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* ialah memberikan khidmat kebaikan, namun penubuhannya tidak dapat lari daripada motif politik. Motif ini ditegaskan oleh presidennya yang pertama, Djanan Taib yang menyebut bahawa penubuhan *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* adalah bermatlamat, “bagi menyatukan umat Melayu dalam satu persahabatan untuk kebaikan dan berusaha ke arah kebebasan dalam erti kata yang sebenar” (CO 273/534/16, April 1926). Melalui *al-Jam'iyyah al-Khairiyah*, pelajar-pelajar Melayu di Kaherah menzahirkan kesedaran politik mereka, termasuklah menghantar Djanan Taib sebagai wakil untuk menghadiri Mu'tamar al-Islāmī di Makkah yang dianjurkan Ibn Sa'ud pada musim haji tahun 1926 (*Seruan Azhar*, Ogos 1926: 211). Beliau mewakili *al-Difa' al-Watani* yang dibentuk pada tahun 1926 di bawah pimpinan Mukhtar Lutfi, iaitu salah satu jawatankuasa dalam *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* (*Seruan Azhar*, Oktober 1926: 253). Selain itu, Djanan Taib juga pernah berhubung dengan beberapa tokoh nasionalis Indonesia seperti Muhammad Hatta, Sunaryo, Sartono dan Wiryon ketika melawat Rotterdam di Belanda pada tahun 1926 (Abaza, 1993: 5).

Pada tahun 1937, *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* telah dibubarkan disebabkan perjuangannya mula menuju ke arah kegiatan politik yang lebih radikal, sekaligus bertentangan dengan matlamat utama kedatangan pelajar Melayu ke Kaherah untuk menuntut ilmu sebanyak mungkin. Pembubaran *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* menyaksikan penubuhan sebuah lagi persatuan yang diberi nama Perhimpunan Indonesia Raya sebelum diubah nama kepada “Perhimpunan Pemuda Indonesia dan Malaya” (PERPINDOM) yang pernah dipimpin oleh H. M. Rashidi dan Abdul Kahar Muzakkir (Riza Sihbudi, 1997: 24). Namun begitu, penubuhan persatuan tersebut juga tidak dapat lari daripada motif politik (Zuhairi Miswari, 2010: 298).

Selepas pengisytiharan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945, pelajar-pelajar Indonesia di Timur Tengah termasuklah di Mesir telah berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan negara-negara Arab terhadap kemerdekaan Indonesia. Nama “Indonesia” kemudian digunakan secara meluas dan dijadikan nama bagi organisasi dan persatuan di Mesir (Suranta Abd. Rahman, 2007: 157). Pelajar-pelajar Indonesia di Kaherah kemudian telah menubuhkan “Perkumpulan Indonesia Merdeka” yang dipimpin oleh Ismail Banda, Mohammed Zein Hassan dan Fuad Fakhruddin (Abdul Haris Nasution, 1991: 400).¹⁰ Penubuhan organisasi tersebut menyaksikan pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelajar-pelajar Indonesia untuk menjalankan hubungan dengan parti politik, pertubuhan dan media Mesir seperti Parti Wafd, pertubuhan *Shubbān Muslimīn* dan majalah *al-Ahrām* (M. Zain Hassan, 1980: 34).¹¹ Pelajar-pelajar Indonesia kemudian menubuhkan “Persatuan Pelajar Indonesia” (PPI) di Mesir. Gus Dur, bekas Presiden Indonesia misalnya pernah menjadi ahli jawatankuasa PPI ketika berada di Kaherah (Al-Zastrauw Ng, 1999: 23).

Pelajar-pelajar Tanah Melayu kemudian telah menubuhkan “Persekutuan Putera-Putera Semenanjung” di Mesir pada tahun 1940. Persatuan tersebut asalnya telah ditubuhkan oleh pelajar Tanah Melayu dari negeri Johor bertujuan untuk menjaga kebaikan mereka semasa menuntut ilmu di Mesir. Namun begitu, lama-kelamaan persatuan tersebut turut dianggotai oleh pelajar-pelajar Tanah Melayu dari

¹⁰ Beberapa pelajar Indonesia yang sedang menuntut ilmu bersama-sama mereka di Kaherah juga tidak sempat menamatkan pengajian dan meninggal dunia di Mesir seperti Ibrahim Palembang dan Mansur Palembang (Rifyal Ka'bah, 1996: 133).

¹¹ *Al-Ahrām* diterbitkan buat pertama kalinya pada 5 Ogos 1876 di Iskandariyah, Mesir (Avalon, 1995: 43).

negeri yang lain (SUK Tr. 617/1948, 27 Julai 1950). Sehingga tahun 1950, antara bekas Yang Dipertua Persekutuan Putera-Putera Semenanjong ialah Ismail Omar bin Abdul Aziz dan Zulkifli bin Muhammad (SUK Tr. 617/1948, 1 April 1948; SUK Tr. 617/1948, 12 Julai 1949). Bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar Tanah Melayu yang semakin bertambah setiap tahun di samping rumah tumpangan sedia ada yang sempit dan uzur, Persekutuan Putera-Putera Semenanjung di Mesir pernah memohon bantuan daripada kerajaan negeri Johor dan Terengganu untuk membina rumah penginapan bagi pelajar-pelajar Tanah Melayu di Kaherah pada tahun 1948 (SUK Tr. 617/1948, 1 April 1948; SUK Tr. 617/1948, 11 Oktober 1948). Sebuah lagi persatuan yang mewakili pelajar-pelajar Tanah Melayu telah ditubuhkan di Kaherah pada tahun 1956. Persatuan tersebut dinamakan sebagai “Persekutuan Melayu Mesir” dan telah ditubuhkan secara rasmi pada 5 Disember 1956 (SP 142, Undang-Undang Tubuh Persekutuan Melayu Mesir).

3. Sumbangan Dalam Bidang Pendidikan

Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa menuntut ilmu di Kaherah telah membantu pelajar Tanah Melayu dan Indonesia untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan, iaitu bidang utama yang menjadi tumpuan lepasan Mesir. Di Tanah Melayu, terdapat ramai lepasan Mesir yang menjadi tenaga pengajar madrasah, sekolah Arab atau sekolah agama. Salah seorang lepasan Mesir yang pernah menyumbang bakti dalam bidang pendidikan ialah Shaykh Tahir Jalaluddin (1869-1956), tokoh ulama Kaum Muda yang telah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1894 dan berjaya menamatkan pengajian pada tahun 1897. Beliau kemudian ke Makkah untuk membantu gurunya Shaykh Ahmad Khatib mengajar pelajar-pelajar dari Tanah Melayu dan Indonesia. Beliau hanya kembali ke Tanah Melayu sekitar tahun 1899 sebelum merantau ke seluruh Alam Melayu seperti Jawa, Bali, Sembawa dan Sulawesi selain Timur Tengah (Hafiz Zakariya, 2005: 51-52). Ketika berada di Tanah Melayu, beliau pernah menjadi guru di Sekolah Agama Johor Bahru pada tahun 1914, sebelum mengajar di Madrasah al-Mashhor, Pulau Pinang. Ketika Madrasah Haji Taib ditubuhkan di Parit Jamil, Muar pada tahun 1921, beliau dilantik menjadi tenaga pengajar madrasah tersebut sehingga tahun 1928 (Saman Shariff, 1980: 89-91).

Muhammad Fadhlullah Suhaimi (1886-1964) yang pernah belajar di Universiti al-Azhar (1911-1914) juga merupakan antara pelajar lepasan Mesir yang banyak mencurahkan sumbangan dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu, sama ada sebagai tenaga pengajar ataupun pengasas sekolah Arab dan madrasah.¹² Sekembalinya ke Singapura pada tahun 1914, beliau menjadi tenaga pengajar di Madrasah al-Sagoff al-Arabiyyah selain terlibat secara aktif dalam penganjuran kelas-kelas agama. Pada tahun 1918, beliau telah berangkat ke Jawa, Indonesia dan mengasaskan sebuah sekolah Arab yang dinamakan Madrasah al-Maarif di Wosonobo, Jawa Timur. Beliau juga terlibat dalam penubuhan Madrasah al-Hidayah di Garut, Jawa Barat (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 19).

¹² Muhammad Fadhlullah Suhaimi juga mempunyai pertalian dengan pahlawan Pahang daripada sebelah isterinya iaitu Aminah binti Haji Abdul Karim yang merupakan anak kepada Hajah Fatimah, adik kepada Mat Kilau. Hasil perkahwinan dengan Aminah, Muhammad Fadhlullah memperolehi dua orang anak perempuan iaitu Saadiyah dan Fatimah. (*Berita Harian*, 7 Ogos 1983: 3).

Beliau kemudian kembali semula ke Singapura pada tahun 1925 seterusnya dilantik sebagai Guru Besar pertama Kulliyah al-Atas yang ditubuhkan di Johor Bahru, Johor pada tahun 1927 (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 21). Beliau kemudian telah mendirikan sebuah madrasah yang dikenali sebagai Madrasah al-Maarif Al-Islamiah di Singapura pada tahun 1936.¹³ Muhammad Fadhlullah kemudian telah menubuhkan sebuah sekolah yang diberi nama Kulliyah al-Firdaus di Singapura pada tahun 1938.¹⁴ Beliau juga menjadi pengasas Madrasah al-Ridhwan yang ditubuhkan di Jalan Madrasah, Singapura pada tahun 1940 (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 22). Pada tahun 1941, beliau merupakan salah seorang ahli jawatankuasa penasihat bagi mengkaji pengajaran agama Islam kepada murid darjah tiga di lapan buah sekolah Melayu di Singapura yang merupakan perintis dasar tersebut.¹⁵ Beliau juga telah dilantik sebagai Inspektor Pengajaran Agama di Sekolah Melayu Singapura (*The Singapore Free Press and Mercantile Adertiser*, 24 Mac 1941: 7). Selain itu, beliau juga terlibat secara langsung dalam penubuhan persatuan guru dan pelajar agama di Singapura iaitu Persatuan Guru Agama Singapura (PERGAS) pada tahun 1940-an dan Persatuan Pelajar-Pelajar Dewasa Singapura (PERDAUS) pada tahun 1948 (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 21-22).

Setelah berpindah ke Kelantan pada tahun 1942 akibat pendudukan Jepun, beliau telah dilantik sebagai Guru Besar Maahad al-Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan antara tahun 1942 hingga 1945. Beliau kemudian dilantik sebagai Penyelia Sekolah Agama di Kelantan pada tahun 1945 seterusnya sebagai Nazir Maahad Muhammadi pada tahun 1946. Sebelum itu, beliau terlibat dalam penubuhan sebuah madrasah khusus untuk pelajar perempuan yang dinamakan Madrasah Naim li al-Banat di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1942 dengan bantuan seorang ahli perniagaan tempatan iaitu Nik Yahya Nik Daud. Beliau juga terlibat dalam penubuhan Madrasah al-Kauthar di Pasir Puteh, Kelantan dengan bantuan penduduk tempatan (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 22-23). Sekembalinya ke Singapura setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, beliau juga terlibat dalam penubuhan Kolej Islam Malaya pada 8 April 1955 (*The Straits Times*, 25 Februari 1955: 8).¹⁶ Beliau merupakan salah seorang ahli jawatankuasa delegasi penubuhan kolej tersebut, dan salah seorang delegasi yang telah meyakinkan sultan dan raja Melayu terhadap keperluan menubuhkan kolej tersebut. Pada tahun 1956, beliau telah dilantik sebagai Pengetua Kulliyah al-Lughah wa al-Dīn di Pekan, Pahang (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 23-24).

¹³ Tapak asal Madrasah al-Maarif al-Islamiah di Tanjung Katong Road telah dipindahkan ke Ipoh Lane pada tahun 1940 di atas tanah yang telah didermakan oleh Sayyid Shaykh Omar Bamadhaj. (*The Straits Times*, 4 Mei 1993: 5. Selepas Perang Dunia Kedua, Madrasah al-Maarif al-Islamiah telah dikhatuskan untuk pelajar perempuan sahaja. (*The Straits Times*, 28 April 1989: 26).

¹⁴ Kulliyah al-Firdaus terpaksa ditutup akibat pendudukan Jepun pada tahun 1941.

¹⁵ Beliau juga dilantik sebagai pengurus jawatankuasa tersebut (*The Singapore Free Press and Mercantile Adertiser*, 24 Mac 1941: 7).

¹⁶ Idea penubuhan kolej Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1949 lagi setelah Dato' Sayyid Ibrahim Omar al-Sagoff, Presiden Persatuan Dakwah Seluruh Tanah Melayu telah mengemukakan cadangan tersebut kepada pentadbiran Universiti al-Azhar ketika melawat negara tersebut. Cadangan tersebut kemudian telah dikemukakan kepada kerajaan Mesir, malah Universiti al-Azhar juga sanggup menanggung kos pembinaan kolej tersebut yang dianggap sebagai, “a symbol of unity between Malaya and Egypt” (*The Straits Times*, 8 Julai 1949: 5).

Terdapat juga anak Muhammad Fadhlullah yang pernah melanjutkan pelajaran di Mesir seterusnya berkhidmat dalam bidang pendidikan. Anak lelaki beliau yang paling tua iaitu Muhammad Taha pernah melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar dan telah mengajar seketika di Ngee Ann College setelah kembali semula ke Singapura. Beliau kemudian berkhidmat sepenuh masa sebagai tenaga pengajar di Madrasah al-Maarif, Singapura. Seorang lagi anak beliau iaitu Muhammad Kamil juga pernah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar sebelum menyambung pengajian di Lincoln Inn, London. Sekembalinya ke Singapura, beliau mengajar di Madrasah al-Maarif sebelum terlibat dalam bidang guaman dan pernah dilantik sebagai ahli jawatankuasa fatwa (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 30-31).

Selain anak lelaki, tiga orang anak perempuan Muhammad Fadhlullah Suhaimi iaitu Sa^cadah, Kamaliah dan Sa^cidah juga pernah melanjutkan pelajaran di Mesir pada tahun 1948 seterusnya berkhidmat dalam bidang pendidikan.¹⁷ Sa^cadah yang menamatkan pengajian di Kolej Perguruan Perempuan Mesir kemudian telah dilantik sebagai Pengetua Madrasah al-Maarif selama 20 tahun, seterusnya berkhidmat sebagai guru agama bebas setelah berpindah ke Kuala Lumpur. Kamaliah yang menamatkan pengajian di kolej yang sama dengan Sa^cadah pula telah berkhidmat di sebuah sekolah Arab di Brunei sekembalinya ke tanah air. Sa^cidah yang merupakan anak termuda berbanding dua orang kakaknya telah menamatkan pengajian di Universiti Kaherah seterusnya berkhidmat sebagai guru dan pensyarah sebelum dilantik sebagai Pengetua Maahad Hamidiah, Selangor. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Agama Selangor (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 33).

Terdapat juga anak murid Muhammad Fadhlullah yang merupakan lepasan Mesir dan pernah memberi sumbangan kepada perkembangan bidang pendidikan di Tanah Melayu. Antaranya ialah Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, bekas Mufti Brunei (1967-1993) dan juga suami kepada Kamaliah, anak perempuan kepada Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Setelah menamatkan pengajian selama 11 tahun di Kaherah, beliau pernah dilantik sebagai Penyelia Sekolah Agama Johor setelah pulang ke Tanah Melayu. Penubuhan Kolej Islam Malaya pada tahun 1955 pula menyaksikan beliau telah dilantik sebagai Pengetua Kolej Islam Malaya yang pertama.¹⁸ Semasa berkhidmat sebagai Mufti Brunei, beliau terlibat secara langsung dalam penubuhan Universiti Brunei Darussalam dan Institut Pengajian Islam Brunei (Ni^cmah Haji Ismail, 1994: 34-35).

Seorang lagi lepasan Mesir yang terlibat dalam kegiatan pendidikan ialah Abu Bakar Ashaari (1905-1970) yang pulang ke Tanah Melayu pada 1932 setelah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1925 (Hafiz Zakariya, 2006: 106). Sebelum dilantik sebagai Imam Besar Masjid Negeri Perlis, beliau pernah dijemput untuk menjadi tenaga pengajar di Madrasah Alwiyyah di Arau,

¹⁷ Ketiga-tiga anak perempuan beliau merupakan kumpulan wanita pertama di dunia yang pernah memohon untuk melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar dan merupakan kumpulan wanita pertama dari Asia Tenggara yang menyambung pengajian di Mesir (*Qalam*, September 1964: 20).

¹⁸ Beliau kemudian kembali semula ke Johor dan dilantik sebagai Ketua Kadi seterusnya dilantik sebagai Timbalan Mufti Johor sehingga bersara pada tahun 1966. Pada tahun 1967, beliau berhijrah ke Brunei seterusnya dilantik sebagai Mufti Brunei.

Perlis (Haron Din, 1993: 103). Zulkifli Muhammad (1927-1964) juga pernah melanjutkan pengajian di Mesir pada tahun 1947 dan hanya kembali ke tanah air pada tahun 1952. Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dapat dilihat pada kesungguhannya menarik sokongan orang Melayu termasuklah sultan dan raja Melayu untuk menyokong cadangan penubuhan Kolej Islam Malaya melalui tulisan beliau yang tersiar di akhbar-akhbar dan siri ceramah yang disampaikan oleh beliau kepada masyarakat umum. Kolej Islam Malaya akhirnya dibuka secara rasmi pada tahun 1955 dan beliau sendiri telah dilantik sebagai setiausaha kolej tersebut. Mulai tahun 1957, beliau berkhidmat secara sepenuh masa sebagai pensyarah Kolej Islam Malaya (Mohammad Redzuan Othman, 1988: 117-118).¹⁹

Seorang lepasan Mesir yang berasal dari Padang Rengas, Perak iaitu Husain Said juga pernah menyumbangkan bakti dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu. Beliau telah melanjutkan pelajaran di Kaherah pada tahun 1922 dan hanya kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1933. Sekembalinya ke Perak, beliau telah menubuhkan sebuah sekolah Arab yang terletak di Padang Rengas, Perak dan beliau terus menjadi tenaga pengajar di sekolah Arab tersebut sehingga bersara (Roff, 1970: 80). Adik kepada Muhammad Fadhlullah Suhaimi iaitu Ahmad ‘Atā’ Allāh Suhaimi yang berasal dari Jawa pula telah menetap di Singapura dan Tanah Melayu setelah kembali dari Mesir, seterusnya menjadi tenaga pengajar di beberapa buah sekolah di Tanah Melayu dan Singapura (Roff, 1970: 85).

Di Indonesia, beberapa tokoh lepasan Mesir juga terlibat secara aktif dalam bidang pendidikan. Antaranya ialah Abdul Kahar Muzakkir (1908-1973) yang berangkat ke Mesir pada tahun 1925 ketika berumur 16 tahun dan pernah belajar di Dār al-‘Ulūm, Kaherah selama 12 tahun (Abaza, 1993: 6).²⁰ Beliau pulang ke Indonesia ketika berumur 28 tahun dan menjadi tenaga pengajar di *Mu‘ālimīn Muhammadiyyah*, sebuah sekolah perguruan di Yogyakarta, seterusnya dilantik menjadi pengarah sekolah tersebut (Mitsuo Nakamura, 1977: 2). Beliau juga terlibat secara langsung dalam pembentukan perlembagaan Indonesia yang dikenali sebagai Piagam Jakarta pada tahun 1945 (Imam Subkhan, 2007: 33).²¹ Beliau juga terlibat secara langsung dalam penubuhan Sekolah Tinggi Islam (STI) di Jakarta sebulan sebelum Jepun menyerah kalah dan telah dilantik sebagai rektor sekolah tersebut. STI kemudian telah dipindahkan ke Yogyakarta pada tahun 1947 dan dikenali dengan nama Universitas Islam Indonesia (UII). Abdul Kahar terus menjadi tenaga pengajar di Fakulti Undang-Undang, Universitas Islam Indonesia sehingga ke akhir hayatnya. Beliau juga terlibat secara langsung dalam penubuhan kolej Islam di Yogyakarta yang kemudian dikenali sebagai Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijaga, seterusnya menjadi tokoh pemimpin masyarakat Islam yang dihormati di Yogyakarta (Mitsuo Nakamura, 1977: 3).

¹⁹ Di Kolej Islam Malaya, beliau mengajar subjek Kesusasteraan Melayu, Perundangan dan Tatanegara Islam serta Kesusasteraan Arab. Beliau meletakkan jawatan sebagai pensyarah di kolej tersebut pada tahun 1959 bagi membolehkan beliau dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertuan Agung PAS seterusnya bertanding dalam pilihan raya 1959 di Parlimen Bachok, Kelantan.

²⁰ Semasa berada di Mesir, beliau pernah mewakili *al-Jam‘iyah al-Khairiyah* untuk menghadiri *Mu‘tamar al-Islāmī* (Kongres Islam) Ke-2 di Jurusalem pada tahun 1931 (Bruinessen, 1995: 133).

²¹ Abdul Kahar juga sering dianggap sebagai generasi ulama Indonesia kedua yang memperjuangkan semangat kebangsaan. (Abdurrahman Wahid, 2009: 4).

Mahmud Yunus (1899-1982) yang merupakan salah seorang lepasan Mesir dari Indonesia juga turut menyumbang bakti dalam bidang pendidikan. Beliau merupakan pelajar pertama dari Jawa yang mendapat ijazah dari *Dār al-‘Ulūm*, Kaherah pada tahun 1930 (Taufik Abdullah, 1971: 152). Sekembalinya ke tanah air, beliau pernah menjadi tenaga pengajar di Normal Islam School, Padang. Beliau juga menekankan bahawa kedudukan bahasa Arab di sekolah Islam perlulah sama kedudukan dengan bahasa Belanda di sekolah-sekolah Belanda, selain menolak pembelajaran bahasa Arab secara terpisah mengikut bidang seperti *Nahū*, *Saraf*, *Mutāla‘ah* dan *Muhādathah* sebaliknya perlu dipelajari serentak (Herry Mohammad, 2006: 88). Mahmud Yunus kemudian menjadi tenaga pengajar di Pondok Pesantren Gontor, Ponorogo, Jawa Timur. Selain itu, salah seorang tenaga pengajar pesantren tersebut iaitu Imam Zarkasyi adalah anak murid beliau semasa beliau mengajar di Normal Islam School, Padang. Pada tahun 1957, Mahmud Yunus telah mengasaskan Akademi Dinas Ilmu Agama (ADIA) dan menjadi dekan akademi tersebut (1957-1960). Pada tahun 1960, ADIA dan Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) digabung menjadi Institut Agama Islam Negeri (IAIN) seterusnya dikenali sebagai Universiti Islam Negeri (UIN) di Yogyakarta. Mahmud Yunus kemudian dilantik sebagai Dekan Fakultas Tarbiyah IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta pada tahun 1960. Penubuhan IAIN Imam Bonjol di Padang, Sumatera Barat pada 20 November 1966 pula menyaksikan beliau dilantik sebagai rektor pusat pendidikan tersebut sehingga bersara pada tahun 1970 (Herry Mohammad, 2006: 90-91).

Kemajuan bidang pendidikan di Indonesia juga disumbangkan oleh Harun Nasution (1919-1998) yang pernah belajar di Mesir (Steenbrink, 1998: 390). Beliau telah dihantar oleh ayahnya untuk menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1939 dan berjaya memperolehi ijazah untuk menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1940. Namun begitu, peristiwa Perang Dunia Kedua menyaksikan beliau menghadapi masalah kewangan dan tidak sempat menamatkan pengajian. Setelah Indonesia mencapai kemerdekaan, beliau menyambung pengajian di Universiti Amerika, Beirut dan berjaya mendapat ijazah B.A. dalam bidang sains sosial pada tahun 1952 (Steenbrink, 1990: 167). Beliau kemudian bekerja sebagai diplomat kerajaan Indonesia di Kaherah, Mesir dan Brussels, Belgium sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti McGill, Kanada (Riddell, 2001: 231). Sekembalinya ke Indonesia, Harun Nasution pernah dilantik sebagai Rektor IAIN Syarif Hidayatullah di Jakarta (1973-1984) (Meuleman, 2002: 286).

Seorang lagi pelajar Indonesia yang pernah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar seterusnya terlibat dalam aktiviti pendidikan ialah K. H. Mas Mansur (1896-1946). Beliau telah dilahirkan di Surabaya, Indonesia pada 25 Jun 1896 (J. B. Soedarmanta, 2007: 85. Beliau pernah belajar di Makkah pada tahun 1908 sebelum menyambung pelajaran di Mesir pada tahun 1910.²² K. H. Mas Mansur juga pernah dilantik sebagai salah seorang wakil Indonesia di Persidangan Khalifah yang diadakan di Kaherah pada bulan Mei 1926.²³ Terdapat juga sarjana yang berpendapat bahawa Mas

²² Pergolakan politik dan yang berlaku di Mesir akibat Perang Dunia Pertama menyebabkan Mas Mansur mengambil keputusan pergi ke Makkah pada tahun 1915. Namun begitu, situasi sama yang berlaku di Makkah menyebabkan beliau bertekad untuk pulang semula ke Pulau Jawa pada tahun 1916 (Darul Aqsha, 2005: 22-30).

²³ Sebelum menghadiri persidangan di Kaherah, beliau telah berlepas ke Makkah terlebih dahulu pada 6 Mac 1926 untuk berjumpa dengan Raja Ibn Saud bagi membincangkan beberapa permasalahan berkaitan umat Islam (CO 273/534/16, Mac

Mansur merupakan individu yang telah memperkenalkan Indonesia di Mesir (Tim Media Pusindo, 2008: 77). Setelah menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar dan kembali ke Indonesia, beliau telah dilantik sebagai salah seorang tenaga pengajar di Pesantren Mufidah, Surabaya.²⁴ Beliau juga merupakan salah seorang pengasas penubuhan Sekolah Tinggi Islam (STI) di Jakarta (Feener, 2011: 80).

Muhammad Rasjidi (1915-2001) yang kembali ke Indonesia pada tahun 1938 setelah menamatkan pengajian selama tujuh tahun di Universiti Kaherah juga turut menyumbang kepada perkembangan kegiatan pendidikan di Indonesia. Sekembalinya ke tanah air, beliau menjadi guru di Maahad al-Islami di Kotagede, Yogyakarta. Beliau juga terlibat dalam penubuhan Pesantren Luhur di Solo namun pesantren tersebut terpaksa ditutup selepas pendudukan Jepun (Herry Mohammad, 2006: 81). Beliau pernah dilantik sebagai Menteri Agama Republik Indonesia yang pertama ketika pemerintahan kabinet Sjahrir yang kedua (Mac 1946-Okttober 1946) (Yudi Latif, 2008: 259). Beliau kemudian dilantik sebagai tenaga pengajar di Universiti McGill, Kanada (1958-1963) sebelum pulang ke tanah air. Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan Islam menyebabkan beliau dianugerahkan Guru Besar Hukum Islam dari Fakultas Hukum, Universitas Indonesia pada tahun 1966 (Herry Mohammad, 2006: 82-84).

Seorang lagi lepasan Mesir iaitu K. H. Fathurrahman Kafrawi (1901-1969) juga pernah menyumbang tenaga dalam bidang pendidikan sekembalinya ke Indonesia. Di Mesir, Fathurrahman Kafrawi bukan sahaja mendalami ilmu agama, tetapi turut mempelajari ilmu sekular dan menjadi salah seorang pemimpin Nahdatul Ulama (NU) setelah kembali ke Jawa, Indonesia (Yudi Latif, 2008: 474). Beliau pernah dilantik sebagai Menteri Agama Republik Indonesia dalam kabinet Sjahrir ketiga pada 2 Okttober 1946 (Soeleiman Fadeli & Mohammad Subhan, 2007: 18). Sebelum itu, jawatan sebagai Menteri Agama telah disandang oleh M. Rasjidi (Deliar Noer, 1978: 17) Sumbangan beliau terhadap perkembangan pendidikan di Indonesia dapat dilihat melalui pelantikan beliau sebagai salah seorang pelopor penubuhan dan pentadbiran Sekolah Tinggi Islam (STI) (Yudi Latif, 2008: 291).

Tiga orang lepasan Mesir dari Pajakumbuh, Minangkabau iaitu Ilyas Muhammad Ali al-Hajj, Muhammad Rusli Abdul Wahid dan Nasaruddin Thaha juga pernah mencerahkan bakti dalam bidang pendidikan di Indonesia. Sekembalinya ke Indonesia, Ilyas Muhammad Ali bertugas sebagai seorang guru di Jakarta (Yudi Latif, 2008: 82). Muhammad Rusli pernah dilantik sebagai Menteri Negara bagi Hubungan Parlimen mewakili PERTI (Perhimpunan Tarbiyah Islamiyah) (Yudi Latif, 2008: 320). Pelantikan beliau sebagai menteri berlaku ketika pembentukan kabinet Ali Sastroamidjojo pada tahun 1956 sebelum beliau meletak jawatan pada awal tahun 1957 (Feith, 2007: 469-470). Dalam bidang

1926).

²⁴ K. H. Mas Mansur juga aktif dalam kegiatan persatuan dan pernah menganggotai Muhammadiyah sehingga dilantik sebagai Ketua Pucuk Pimpinan Muhammadiyah pada tahun 1937 dan menyertai Persatuan Bangsa Indonesia (PBI). Ketika pendudukan Jepun, beliau bersama-sama K. H. Wahid Hasyim dan K. H. Taufiqurrahman telah menubuhkan Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi). Ketika Jepun membubarkan semua pertubuhan bercorak politik dan menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), beliau dilantik sebagai salah seorang pemimpinnya. Menjelang pengisytiharan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1944, beliau juga dilantik sebagai Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) (J. B. Soedarmanta, 2007: 85-87).

pendidikan, beliau pernah menjadi tenaga pengajar di sebuah madrasah di Singapura selama beberapa tahun setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua sebelum pulang semula ke Pajakumbuh dan berkhidmat sebagai guru di sana. Nasaruddin Taha yang kembali ke Sumatera pada awal tahun 1930-an pula terlibat dalam penubuhan kolej perguruan bagi guru-guru agama di Pajakumbuh pada tahun 1934. Selepas Perang Dunia Kedua, beliau dilantik sebagai pegawai kanan Jabatan Agama di Jakarta sebelum kembali berkhidmat sebagai guru di Pajakumbuh (Roff, 1970: 82-84).

Mukhtar Yahya yang berasal dari Bukittinggi, Sumatera hanya kembali ke Indonesia sekitar tahun 1930-an seterusnya dilantik sebagai Pengarah Kolej Islam PERMI di Padang sebelum dilantik sebagai dekan di IAIN Yogyakarta (Roff, 1970: 83). Muhammad Farid Ma'ruf juga merupakan salah seorang lepasan Mesir berasal dari Jawa yang terlibat secara aktif dalam bidang pendidikan sekembalinya ke Indonesia. Beliau bukan sahaja pernah menjadi pemimpin Muhammadiyah, tetapi juga pernah dilantik sebagai seorang profesor di IAIN Jakarta (Bisri Affandi, 1999: 222). Tiga orang lepasan Mesir berasal dari Padang, Sumatera iaitu Rifa'i Junus, Muhammad Kasim Bakri dan Husin Jahja juga terlibat dalam kegiatan pendidikan sekembali mereka ke tanah air. Rifa'i Junus yang kembali semula ke Sumatera pada tahun 1931 pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Kolej Islam PERMI di Padang, Sumatera. Seorang lagi lepasan Mesir berasal dari Padang iaitu Muhammad Kasim Bakri pula sekembalinya ke Sumatera telah menjadi tenaga pengajar di sekolah Islam seterusnya di Kolej Islam di Padang sekitar tahun 1930-an. Husin Yahya yang kembali ke Sumatera pada awal tahun 1930-an pula pernah berkhidmat sebagai guru di sekolah Islam yang terletak di Padang (Roff, 1970: 83-85).

4. Sumbangan Dalam Bidang Penulisan

Pelajar Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia yang menyambung pengajian di Universiti al-Azhar juga terlibat dalam kegiatan penulisan, sama ada sebagai pengarang akhbar dan majalah atau penulis pelbagai jenis buku dan kitab ilmiah. Antara pelajar Melayu yang pernah menjadi pengarang akhbar dan majalah ialah Othman Abdullah. Setelah menamatkan pengajian di Mesir dan kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1929, beliau bertugas sebagai pengurus dan pengarang sambilan dalam akhbar *Majlis* pada tahun 1931 (Roff, 1966: 65). Abdul Wahab Abdullah yang menamatkan pengajian di Mesir dan kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1930 pula pernah menjadi penolong pengarang akhbar *Saudara*, selain pernah menjadi pengarang majalah *Bumiputera* (Roff, 1970: 76).

Muhammad Fadhlullah Suhaimi juga turut terlibat secara aktif dalam kegiatan penulisan. Malah beliau dianggap salah seorang sasterawan Melayu yang giat menghasilkan pelbagai tulisan dan berada sebaris dengan tokoh sasterawan Melayu yang terkenal seperti Za'ba, Abdul Rahim Kajai dan Sayyid Shaykh al-Hadi (*Berita Harian*, 3 Mei 1987: 6). Beliau telah menghasilkan sejumlah buku dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Semasa berada di Jawa, beliau pernah menghasilkan sebuah buku berkenaan sejarah Islam berjudul *Tārīkh Islām* yang diterbitkan di Betawi (Jakarta) pada tahun 1918. Beliau juga pernah menyusun sebuah kitab yang memuatkan himpunan khutbah Jumaat ketika beliau menjadi imam di Masjid al-Maaruf, Singapura (1920-an hingga 1930-an) dalam sebuah buku berjudul *al-Maw'izah al-Jalīlah fi Khutbah al-Jumā'ah* (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 20-21). Beliau

banyak menghasilkan kitab berkenaan ilmu tafsir dan al-Quran seperti *Pedoman Kemuliaan Pada Mentafsirkan al-Qur'an* (1924); *Kitab Tarich Qoer-an* (1927) dan *al-Quran dan al-Ulama* (1931); buku berkenaan ilmu sejarah dan biografi seperti *Manaqib al-Arif bi Allah Kiyayi Agong Muhammad Suhaimi bin Abdullah* (1931); buku berkenaan ilmu fiqh seperti *Kitab Menyatakan Asas Madhhab Ahli Sunnah wal Jamaah* (1926) dan *Buah Kulliyah al-Attas Pada Mentahqiqan Masalah Khilafiyah Dengan Nas dan Qiyas* (1932) (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 40-42). Beliau juga pernah menghasilkan sebuah kamus bahasa Arab berjudul *Qamus Arab-Melayu* (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 40-42).

Selepas Perang Dunia Kedua, Muhammad Fadhlullah terus menghasilkan beberapa buah buku berkenaan fiqh seperti *Panduan Kahwin* (1941), *al-Bayān* (1953), *Utusan Kebajikan Pada Beberapa Khutbah Jumaat dan Khutbah Dalam Bulan Ramadhan* (1954), *Sinaran Matahari Pada Menolak Kitab Ibadat Karangan Abu Bakar Ashaari* (1959), *Masalah Loteri* (1959) dan *Pancaran Cahaya Matahari Pada Menolak Fatwa al-Sayyid Alwi Tahir al-Haddad Menghalalkan Wang Loteri* (1960); buku berkenaan sejarah dan sirah Nabi Muhammad seperti *Malaya Baharu* (1946), *Merdeka* (1957) dan *Muhammad (SAW) Pahlawan Merdeka Yang Tunggal di Muka Bumi Ini* (1959); buku berkenaan wanita seperti *Hoki dan Silat Perempuan: Manakah Yang Berguna?* (1949), *Alam Perempuan* (1951) dan *Wanita dan Politik* (1953); buku berkenaan akidah dan tauhid seperti *Ilmu al-Qada' wa al-Qadar atau Jentera Kepada Kemajuan* (1949), *Peliharaan Ulama Kita* (1951), *Pertahankanlah Islam Kita* (1955), *Peliharaan Iman Kita* (1955) dan *Panduan Hidup* (1963) serta buku berkenaan akhlak dan adab dalam Islam seperti *Hormatkanlah Ibu Bapa* (1961) (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 42-54).

Muhammad Fadhlullah juga pernah terlibat dalam penerbitan akhbar dan majalah dan pernah dilantik sebagai pengarang majalah *Temasek* yang ditubuhkan pada tahun 1930 di Singapura (Hamedi Mohd. Adnan, 2002: 100). Majalah *Jasa* juga pernah menerbitkan siri kuliah yang disampaikannya di Gubahan Setia, Muar. Beberapa rencana tulisan beliau juga pernah diterbitkan dalam majalah *Kahidupan Dunia Akhirat* pada tahun 1935 dan majalah *Bintang Malaya* pada tahun 1939. Selepas Perang Dunia Kedua, Muhammad Fadhlullah juga pernah berkhidmat sebagai pengarang akhbar *Utusan Melayu* sekitar tahun 1950-an. Ketika beliau menjadi pengarang, polisi dan corak pemberitaan *Utusan Melayu* mula berubah dan lebih berbentuk keagamaan. Penurunan jumlah sirkulasi *Utusan Melayu* menyebabkan beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan setelah menjadi pengarang hampir enam bulan, dan jawatan selaku pengarang *Utusan Melayu* diambil alih oleh Harun Aminurrashid Nik Ahmad Haji Nik Hassan, 1963: 77. Beliau kemudian menjadi pengarang *Melayu Raya* (1951-1953) yang dipimpin oleh Harun Aminurrashid. Pada tahun 1956, beliau telah menerbitkan majalah *Kehidupan* di Singapura (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 57-58). Anak murid beliau, Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz yang merupakan lepasan Mesir juga pernah menjadi pengarang *Warta Ugama Islam Johor*, iaitu majalah rasmi Jabatan Ugama Islam Johor (Ni'mah Haji Ismail, 1994: 35).

Seorang lagi pelajar lepasan Mesir yang aktif dalam bidang penulisan ialah Abu Bakar Ashaari. Beliau pernah menghasilkan sebuah buku berkaitan pemikiran islah berjudul *Kemerdekaan Berfikir dalam Islam atau Pembasmi Taqlid* (Abu Bakar Ashaari, 1954). Beliau juga ada menulis buku berkaitan kebebasan wanita dalam Islam berjudul *Pergerakan Kaum Wanita di Alam Islami* (Abu Bakar Ashaari, 1955). Abu Bakar juga pernah menulis buku berkaitan ibadah solat berdasarkan cara Rasulullah S.A.W. berjudul *Ibadah Rasulullah* (Abu Bakar Ashaari, 1957). Beliau juga ada

menghasilkan tulisan dalam bidang hadis seperti sebuah syarah *Sahīh Bukhārī* tulisan Imam Bukhari berjudul *Jawāhir al-Bukhārī* (Abu Bakar Ashaari, 1956). Seorang lagi lepasan Mesir iaitu Zulkifli Muhammad yang kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1952 pula pernah dirawat di Hospital Ipoh dan Hospital Kuala Kangsar kerana mengalami masalah buah pinggang dan patah tulang kaki. Semasa dirawat hospital tersebut selama hampir lapan bulan, beliau sempat menghasilkan sebuah buku berjudul *Pegangan Hidup Umat Islam* (Mohammad Redzuan Othman, 1988: 116).

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1895-1989) yang pernah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar pada tahun 1924 turut memberikan sumbangan dalam bidang penulisan (Mahani Mokhtar, 1989/90; Mahani Mokhtar, 2011). Beliau telah menghasilkan sebuah kamus Arab-Melayu berjudul *Kamus al-Marbawi* yang pertama kali diiklankan dalam majalah *Seruan Azhar* pada tahun 1925 (*Seruan Azhar*, Disember 1925). Dalam bidang hadis, beliau pernah menulis kitab berjudul *Bahr al-Māzī* iaitu sebuah kitab terjemahan *Sahīh al-Tirmīzī* tulisan Imam al-Tirmīzī yang diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 1933 (Roff, 1970: 76). Beliau juga pernah menghasilkan beberapa tulisan lain dalam bidang tafsir seperti *Tafsir Quran al-Marbawi Juzu' Alif Lam Mim* dan *Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu*; tulisan dalam bidang hadis seperti *Kitab Bulūgh al-Marām serta Terjemah Melayu*; tulisan berbentuk kamus dan ensiklopedia seperti *Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar dan Teladan Belajar Arabnya Yang Senang*, *al-Marbawi Kamus al-Jayb ḨArabī Melayu-Latin*, *Kitab Perbendaharaan Ilmu dan Muṣjam al-Kāinah*; serta tulisan dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf seperti *Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat*, *Nizām al-Hayah* dan *Asas Islam* (Faisal Ahmad Shah, 2009: 29).

Lepasan Mesir di Indonesia juga turut terlibat dalam kegiatan penterjemahan pelbagai kitab dan buku bahasa Arab ke dalam bahasa Indonesia. Antara lepasan Mesir yang terlibat secara aktif dalam penulisan ialah Mahmud Yunus. Beliau telah menghasilkan sekitar 49 buah buku dalam bahasa Melayu dan 26 buah buku dalam bahasa Arab dalam bidang tauhid, tafsir, hadis dan fiqh (Herry Mohammad, 2006: 89).²⁵ Mahmud Yunus juga pernah menulis sebuah buku bersama-sama Kasim Bakri berjudul *Kitab al-Tarbiyyah wa al-Ta‘līm* (Mahmud Yunus & Kasim Bakry, 1953). Mereka berdua juga pernah menulis sebuah kamus berjudul *Kamus Keemasan* (Taufik Abdullah, 1971: 151). Mahmud Yunus juga pernah menulis sebuah lagi buku dalam bahasa Arab yang membicarakan agama-agama utama yang dianuti oleh manusia di seluruh dunia dalam sebuah buku berjudul *al-Adyān* (Mahmud Yunus, 1937). Beliau juga pernah menghasilkan sebuah buku berjudul *Pemimpin Pelajaran Agama* (Mahmud Yunus, 1957). Selain itu beliau juga menulis sebuah buku yang membincangkan sejarah perkembangan pendidikan Islam di Indonesia berjudul *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Mahmud Yunus, 1960b). Beliau juga pernah menulis buku berkenaan pendidikan Islam berjudul

²⁵ Penglibatan Mahmud Yunus dalam kegiatan penulisan sebenarnya telah bermula sebelum beliau melanjutkan pengajian di Mesir lagi, iaitu ketika masih menjadi guru madrasah. Ketika beliau masih guru madrasah, beliau pernah menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam beberapa siri. Beliau juga pernah menulis buku teks sekolah rendah seperti sebuah buku sejarah Islam berjudul *Hikajat Nabi Muhammad* dan buku panduan solat. Beliau juga pernah menjadi pengarang majalah *al-Basjir*, iaitu majalah yang diterbitkan oleh madrasah beliau (Taufik Abdullah, 1971: 141).

Sejarah Pendidikan Islam (Mahmud Yunus, 1966). Mahmud Yunus juga pernah menghasilkan sebuah kitab tafsir al-Quran yang diberi nama *Tafsir Quran Karim* (Mahmud Yunus, 1969).²⁶

Tulisan Mahmud Yunus juga ada membincangkan hukum perkahwinan berdasarkan pandangan empat mazhab berjudul *Hukum Perkahwinan dalam Islam: Menurut Mazhab Sjafii'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali* (Mahmud Yunus, 1960a). Beliau juga ada menghasilkan sebuah kamus bahasa Arab berjudul *Kamus Arab-Indonesia* (Mahmud Yunus, 1973). Terdapat juga sebuah tulisan yang memuatkan koleksi kuliah beliau di IAI Jakarta pada awal tahun 1960-an berjudul *Pokok-Pokok Pendidikan dan Pengajaran: Hasil Kuliah Pada Fakultas Tarbijah Institut Agama Islam, Negeri Djakarta, Tahun Adjaran 1960-1961* (Mahmud Yunus, 1962). Karya-karya Mahmud Yunus yang lain termasuklah *Metodik Khusus Pendidikan Agama, al-Masā'il al-Fiqhiyyah 'alā al-Mazāhib al-Arba'ah*, dan *'Ilm al-Nafs (Ensiklopedi Islam*, 1994).

Seorang lagi lepasan Mesir dari Indonesia yang turut terlibat dalam kegiatan penulisan ialah Muhammad Rasyidi. Beliau pernah menghasilkan sebuah buku berkenaan pandangan Islam terhadap pemikiran dan kegiatan komunis berjudul *Islam Menentang Komunisme* (Rasjidi, 1965). Beliau juga pernah menghasilkan sebuah buku yang menolak pandangan sekular yang dikemukakan oleh Nurcholis Madjid berjudul *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi* dan sebuah lagi buku dengan tujuan yang sama berjudul *Sekularisme dan Persoalan Lagi: Koreksi Terhadap Tulisan Drs. Nurcholis Madjid* (Rasjidi, 1972a; 1972b). Pandangan Islam berkenaan ilmu kebatinan pula dirungkaikan dalam sebuah buku tulisan beliau berjudul *Islam dan Kebatinan* (Rasjidi, 1967). Perbahasan berkenaan keistimewaan ajaran Islam sebagai satu panduan hidup yang lengkap pula dibincangkan oleh Rasjidi dalam sebuah buku berjudul *Mengapa Aku Tetap Memeluk Agama Islam?* (Rasjidi, 1974).

Bidang penulisan juga turut dipelopori oleh lepasan Mesir yang berasal dari Indonesia iaitu Harun Nasution. Beliau pernah menerbitkan tesis sarjana beliau yang dikemukakan kepada Universiti McGill, Kanada pada tahun 1965 berkenaan parti Masjumi yang berjudul “The Islamic State in Indonesia: The Rise of the Ideology, the Movement for its Creation and the Theory of Masjumi” (Feener, 2002: 90). Beliau telah menghasilkan sebuah buku berkenaan kedudukan ilmu falsafah dalam Islam berjudul *Falsafat dan Misticisme dalam Islam* (Harun Nasution, 1973b). Perbincangan berkenaan salah satu cabang falsafah iaitu falsafah agama juga dikupas oleh Harun Nasution dalam sebuah buku berjudul *Falsafat Agama* (Harun Nasution, 1973a). Menurut Steenbrink, buku tersebut lebih menampakkan ciri keislaman selain berjaya menonjolkan hasil kerja beliau yang asli berbanding tulisan Muhammad Rasjidi (Steenbrink, 1990: 159). Beliau juga pernah menulis buku berjudul *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya* (Harun Nasution, 1974). Walaupun beliau dikatakan berpegang kepada ajaran Mu'tazilah, namun tulisan beliau terus menjadi rujukan di Indonesia khususnya dalam bidang falsafah.

²⁶ Kitab tafsir beliau telah dicetak lebih daripada 23 kali dan dianggap sebagai tafsir generasi kedua yang terkenal di Alam Melayu selepas kitab tafsir yang dihasilkan oleh Abdul Rauf Singkel berjudul *Tarjuman al-Mustafid* yang dihasilkan pada abad ke-17. Walau bagaimanapun, kitab tafsir tulisan Mahmud Yunus lebih berbentuk terjemahan al-Quran semata-mata dan tidak memuatkan tafsiran yang lebih mendalam berkenaan ayat-ayat al-Quran (Riddell, 2001: 266-267).

Lepasan Mesir berasal dari Padang iaitu Muhammad Kasim Bakri juga pernah menghasilkan beberapa tulisan. Beliau pernah menghasilkan sebuah Kamus Arab-Melayu berjudul *Kamus Keemasan* bersama-sama Mahmud Yunus (Roff, 1970: 83). Beliau juga pernah menghasilkan sebuah buku berkenaan penjagaan kesihatan berjudul *Kitab Kesihatan Diri* yang diterbitkan pada tahun 1928 dan sebuah buku berkenaan kehamilan dan penjagaan bayi berjudul *Pemimpin Ibu* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1931 (Za'ba, 1941: 19). Seorang lagi lepasan Mesir iaitu Muhammad Farid Ma'ruf juga pernah menterjemahkan sebuah karya asal tulisan Ahmad Amin berkenaan persoalan akhlak berjudul *Ethika* (Ahmad Amin, 1975).

5. Kesimpulan

Pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Indonesia bukan sahaja sibuk menuntut ilmu bagi menunaikan tanggungjawab utama mereka di Mesir tetapi juga terlibat secara aktif dalam pelbagai kegiatan dan aktiviti. Di Kaherah, pelajar Tanah Melayu dan Indonesia bukan sahaja menubuhkan syarikat percetakan, tetapi juga terlibat dalam kegiatan menerbitkan majalah serta menubuhkan persatuan pelajar. Pelajar Indonesia nyata terlibat secara lebih aktif dalam kegiatan berbentuk politik seperti menghadiri perhimpunan di Mesir berbanding pelajar Tanah Melayu. Menjelang Perang Dunia Kedua, pelajar Tanah Melayu dan Indonesia mula menubuhkan persatuan pelajar yang mewakili negara masing-masing seperti penubuhan Persekutuan Putera-Putera Semenanjung oleh pelajar Tanah Melayu dan penubuhan Persatuan Pelajar Indonesia oleh pelajar Indonesia.

Pengalaman dan pendedahan yang diperolehi semasa berada di Mesir membolehkan mereka memberikan sumbangan yang penting dalam bidang pendidikan dan penulisan setelah pulang ke tanah air. Dalam bidang pendidikan, lepasan Mesir di Tanah Melayu bukan sahaja menjadi guru agama, ustaz dan pensyarah di madrasah, sekolah agama dan kolej Islam, malah segelintir daripada mereka pernah memegang jawatan pentadbiran sebagai setiausaha dan pengetua. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penubuhan madrasah, sekolah agama dan kolej Islam. Majoriti lepasan Mesir di Indonesia pula menjadi tenaga pengajar di madrasah, pesantren, STI dan IAIN. Mereka juga terlibat dalam penubuhan pesantren, STI, IAIN dan universiti Islam. Selain itu, terdapat juga lepasan Mesir di Indonesia yang pernah dilantik sebagai rektor IAIN. Walaupun ada di antara lepasan Mesir di Tanah Melayu dan Indonesia hanya sempat berkhidmat buat seketika dalam bidang pendidikan, namun mereka tetap memberi sumbangan yang penting terhadap bidang pendidikan khususnya pendidikan Islam di Tanah Melayu dan Indonesia. Peluang menjadi tenaga pengajar di pusat-pusat pendidikan tersebut menjadikan mereka begitu dihormati dalam masyarakat dan sering diberikan peluang untuk menyampaikan ceramah.

Dalam bidang penulisan pula, lepasan Mesir di Tanah Melayu banyak terlibat dalam penulisan buku dan kitab agama dalam bidang pengajian Islam seperti fiqh, sejarah, akhlak, tafsir al-Quran dan bahasa Arab. Malah pengetahuan bahasa Arab yang diperolehi ketika melanjutkan pelajaran di Mesir membolehkan segelintir daripada mereka menghasilkan kamus Arab-Melayu. Selain penulisan buku, lepasan Mesir di Tanah Melayu juga pernah bertugas sebagai pengarang akhbar dan majalah, selain turut menyumbangkan pelbagai rencana dalam akhbar dan majalah berkaitan pelbagai isu. Terdapat

juga lepasan Mesir di Tanah Melayu yang pernah menjadi pengarah majalah terbitan majlis agama Islam negeri. Lepasan Mesir di Indonesia juga turut terlibat dalam bidang penulisan, sama ada sebagai penulis buku bercorak agama dan umum atau sebagai pengarang akhbar dan majalah. Hasil penulisan mereka pula tidak terhad kepada buku dan kitab agama sahaja, tetapi turut menghasilkan kamus bahasa Arab. Meskipun terdapat lulusan Mesir di Tanah Melayu dan Indonesia yang terlibat dalam bidang lain khususnya politik, namun penglibatan mereka dalam bidang pendidikan dan penulisan bukan sahaja berjaya mengembangkan sistem pendidikan bercorak Islam, tetapi juga berjaya mengembangkan ilmu dan pemikiran Islam dalam bentuk penulisan ilmiah.

Rujukan

- A. M. Iskandar Haji Ahmad. (1973). *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abaza, Mona. (1993). *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Abdul Haris Nasution. (1991). *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia: Perang Gerila Semesta I*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Abdullah al-Qari Haji Salleh (1967). *Sejarah Hidup Tok Kenali*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdurrahman Wahid. (2009). The Enemy Within. Dalam Abdurrahman Wahid (Ed.). *The Illusion of an Islamic State: The Expansion of Transnational Islamist Movements in Indonesia*. Jakarta: The Wahid Institute.
- Abu Bakar Ashaari. (1954). *Kemerdekaan Berfikir dalam Islam atau Pembasmi Taqlid*. Pulau Pinang: Persama Press.
- Abu Bakar Ashaari. (1955). *Pergerakan Kaum Wanita di Alam Islami*. Pulau Pinang: Persama Press.
- Abu Bakar Ashaari. (1956). *Jawāhir al-Bukhārī*. Pulau Pinang: Persama Press.
- Abu Bakar Ashaari. (1957). *Ibadah Rasulullah*. Singapura: t.p.
- Ahmad Amin. (1975). *Ethika* [Terj. Farid Ma'ruf]. Jakarta: Bulan Bintang.
- Avalon, Ami. (1995). *The Press in the Arab Middle East: A History*. New York: Oxford University Press.
- al-Azhari, Shaykh Junid Tola. (1929). *Kitab Kaifiyat Mengadakan Wakaf*. Kaherah: Matba'ah al-Marbawiyyah.

Al-Jam'iyyah al-Malayūwiyyah bi Misr. (1957). *al-Malayū al-Mustaqqillah*. Kaherah: Matba'ah al-Liwā' al-Hadīthah.

Berita Harian. (7 Ogos 1983).

Berita Harian. (3 Mei 1987).

Bisri Affandi. (1999). *Syaikh Ahmad Syurkati, 1874-1943: Pembaharu & Pemurni Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Al-Kauthar.

Bruinessen, Martin van. (1995). Muslims of the Dutch Indies and the Caliphate Question. *Studia Islamika*. 2 (3): 115-140.

CO 537/931. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. No. 28. April 1925.

CO 273/534/16. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. No. 34, Disember 1925.

CO 273/534/16. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. No. 37. Mac 1926.

CO 273/534/16. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. No. 38. April 1926.

Darul Aqsha. (2005). *K. H. Mas Mansur (1896-1946): Perjuangan dan Pemikiran*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

Deliar Noer. (1978). *Administration of Islam in Indonesia*, New York: Cornell University.

Ensiklopedi Islam. 1994. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoe.

Faisal Ahmad Shah. (2009). Faktor Kejayaan dan Kecemerlangan Orang Melayu Menurut Mohamed Idris al-Marbawi. *Jurnal Pengajian Melayu*. 20 (20): 26-50.

Feener, R. Michael. (2002). Indonesian Movement for the Creation of a 'National Madhab'. *Islamic Law and Society*. 9 (1): 83-116.

Feener, R. Michael. (2011). *Muslim Legal Thought in Modern Indonesia*. Cambridge: Cambridge University Press.

Feith, Herbert. (2007). *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*. Singapore: Equinox Publishing (Asia) Pte. Ltd.

H. M. Rasjidi. (1965). *Islam Menentang Komunisme*. Djakarta: Jajasan Klam Studi Club Indonesia.

- H. M. Rasjidi. (1967). *Islam dan Kebatinan*. Jakarta: Bulan Bintang.
- H. M. Rasjidi. (1972a). *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- H. M. Rasjidi. (1972b). *Sekularisme dan Persoalan Lagi: Koreksi Terhadap Tulisan Drs. Nurcholis Madjid*. Jakarta: Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia.
- H. M. Rasjidi. (1974). *Mengapa Aku Tetap Memeluk Agama Islam?* Jakarta: Bulan Bintang.
- Hafiz Zakariya. (2005). Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin. *Intellectual Discourse*. 13 (1): 49-72.
- Hafiz Zakariya. (2006). Islamic Reform in Colonial Malaya: Shaykh Tahir Jalaluddin and Sayyid Shaykh al-Hadi. Ph.D Dissertation. California: University of California.
- Hamedi Mohd. Adnan. (2002). *Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haron Din. (1993). Al-Sheikh Abu Bakar al-Ashaari. Dalam Ismail Mat (Ed.). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Nasution. (1973a). *Falsafat Agama*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Harun Nasution. (1973b). *Falsafat dan Misticisme dalam Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Harun Nasution. (1974). *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Herry Mohammad. (2006). *Tokoh-Tokoh Islam Yang Berpengaruh Abad 20*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Hurgronje, Snouck. (1970). *Mecca in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: E. J. Brill.
- Al-Ikhwān*. (16 Disember 1928).
- Imam Subkhan. (2007). *Hiruk-Pikuk Wacana Pluralisme di Yogyakarta*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Laffan, Michael. (2004). An Indonesian Community in Cairo: Continuity and Change in a Cosmopolitan Islamic Milieu. *Indonesia*. 77: 1-26.
- Laffan, Michael. (2007). "Another Andalusia": Images of Colonial Southeast Asia in Arabic Newspapers. *The Journal of Asian Studies*, 66 (3): 689-722.

- M. Zain Hassan. (1980). *Diplomasi Revolusi Indonesia di Luar Negeri*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Mahani Mokhtar. (1989/90). Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi: Sejarah dan Sumbangannya Di Dalam Bidang Penulisan. Latihan Ilmiah B. A. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahani Mokhtar. (2011). Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi: Sumbangannya dalam Bidang Penulisan dan Penerbitan. Disertasi M. A. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmud Yunus. (1937). *Al-Adyān*. Padang Panjang: Pustaka Sa'adijah.
- Mahmud Yunus & Kasim Bakry. (1953). *Kitab al-Tarbiyyah wa al-Ta'līm*. Bukit Tinggi: Nusantara.
- Mahmud Yunus. (1957). *Pemimpin Pelajaran Agama*. Djakarta: Pustaka Mahmudiaah.
- Mahmud Yunus. (1960a). *Hukum Perkahwinan dalam Islam: Menurut Mazhab Sjafī'i, Hanafi Maliki dan Hanbali*. Djakarta: Pustaka Mahmudiaah.
- Mahmud Junus. (1960b). *Sedjarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mahmudiaah.
- Mahmud Yunus. (1962) *Pokok-Pokok Pendidikan dan Pengajaran: Hasil Kuliah Pada Fakultas Tarbijah Institut Agama Islam, Negeri Djakarta, Tahun Adjaran 1960-1961*. Djakarta: Pustaka Mahmudiaah.
- Mahmud Junus .(1966). *Sedjarah Pendidikan Islam*. Djakarta: Penerbit Mutiara.
- Mahmud Yunus. (1969). *Tafsir Quran Karim*. Singapore: Tawakal Trading.
- Mahmud Yunus. (1973). *Kamus Arab-Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyeleggara Penterjemah/Pentafsir al-Quran.
- Mahmud Yunus. (1979). *Haji ke Mekkah: Seri Ibadat untuk Kanak-Kanak dan Dewasa*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Mahmud Yunus. (1982). *Riwayat Hidup Prof. Dr. Mahmud Yunus: 10 Pebruari 1899-16 Januari 1982*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman. (2000). *The Malay in the Middle East: With a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Meuleman, Johan (2002). The Institut Agama Islam Negeri at the Crossroads: Some Notes on the Indonesian State Institutes for Islamic Studies. Dalam Johan Meuleman (Ed.). *Islam in the Era of Globalization: Muslim Attitudes towards Modernity and Identity*. London: RoutledgeCurzon.

Mitsuo Nakamura. (1977). Professor Haji Kahar Muzakkir and the Development of the Muslim Reformist Movement in Indonesia. Dalam Benedict R. O'G. Anderson et al. (Ed.). *Religion and Social Ethos in Indonesia*. Victoria: Monash University.

Mohammad Redzuan Othman. (1988). Perjuangan Politik Zulkifli Muhammad (1927-1964). Dalam Adnan Haji Nawang (Ed.). *Perak Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Mohammad Redzuan Othman. (1994). The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940. Ph.D. Thesis. Edinburgh: University of Edinburgh.

Mohammad Redzuan Othman. (1994/95). Call of the Azhar: The Malay Students Sojourn in Cairo before World War II. *Sejarah*. 3: 95-110.

Muhammad Fadlullah Suhaimi. (1914). *Kitab Pelajaran Tauhid*. Kaherah: Matba^cah al-Ittihādiyah.

Neracha. (1 Januari 1913).

Neracha. (26 Februari 1913).

Neracha. (25 Februari 1914).

Neracha. (4 Mac 1914).

Ng, Al-Zastrauw. (1999). *Gus Dur: Siapa Sih Sampeyan? Tafsir Teoritik atas Tindakan dan Pernyataan Gus Dur*. Jakarta: Erlangga.

Ni^cmah Haji Ismail. (1994). The Life and Thoughts of Shaykh Muhammad Fadlullah Suhaimi, M. A. Litt. Edinburgh: University of Edinburg.

Nik Ahmad Haji Nik Hassan. (1963). The Malay Press. *JMBRAS*. 36 (1): 37-78.

Pengasoh. (27 November 1924).

Pengasoh. (1 November 1925).

Pilehan Timoer. (Oktober 1927).

Qalam. (September 1964).

Riddell, Peter. (2001). *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. London: C. Hurst & Co. (Publishers) Ltd.

Rifyal Ka'bah. (1996). Islam Indonesia dan Pusat-Pusat Pemikiran Islam di Timur Tengah. Dalam Aswab Mahasin et al. (Ed.). *Ruh Islam dalam Budaya Bangsa: Wacana Antara Agama dan Bangsa*. Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal.

Riza Sihbudi. (1997). *Indonesia-Timur Tengah: Masalah dan Prospek*. Jakarta: Gema Insani Press.

Roff, William R. (1966). The Life and Times of Haji Othman Abdullah. *Peninjau Sejarah*, 1 (2): 62-69.

Roff, William R. (1970). Indonesian and Malay Students in Cairo in the 1920s. *Indonesia*. 9: 73-88.

Saman Shariff. (1980). Madrasah al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil, Muar. Dalam Khoo Kay Kim et al. (Ed.). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Seruan Azhar. (Oktober 1925).

Seruan Azhar. (November 1925).

Seruan Azhar. (Disember 1925).

Seruan Azhar. (Januari 1926).

Seruan Azhar. (Jun 1926).

Seruan Azhar. (Ogos 1926).

Seruan Azhar. (Oktober 1926).

Soedarmanta, J. B. (2007). *Jejak-Jejak Pahlawan: Perekat Kesatuan Bangsa Indonesia*. Jakarta: Grasindo.

SP 142. Undang-Undang Tubuh Persekutuan Melayu Mesir.

Steenbrink, Karel A. (1990). The Study of Comparative Religion by Indonesian Muslims: A Survey. *Numen*. 37: 141-167.

Steenbrink, K. (1998). Seven Indonesian Perspectives on Theology of Liberation. Dalam G. de Schrijver (Ed.). *Liberation Theologies on Shifting Grounds*. Leuven, Belgium: Leuven University Press, 1998.

SUK Tr. 617/1948. Ismail Omar Abdul Aziz kepada Menteri Besar Johor. 1 April 1948.

SUK Tr. 617/1948. Ismail Omar Abdul Aziz kepada Menteri Besar Terengganu. 11 Oktober 1948.

SUK Tr. 617/1948. Kenyataan Am Bagi Penuntut-Penuntut Melayu. 12 Julai 1949.

SUK Tr. 617/1948. Malay Students in Cairo. 27 Julai 1950.

Soeleiman Fadeli & Mohammad Subhan. (2007). *Antologi NU: Sejarah, Istilah, Amaliah, Uswah*. Surabaya: Khalista.

Suranta Abd. Rahman. (2007). Diplomasi RI di Mesir dan Negara-Negara Arab Pada Tahun 1947. *Wacana: Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya*. 9 (2): 154-172.

Taufik Abdullah. (1971). *Schools and Politics: The Kaum Muda Movement in West Sumatra (1927-1933)*. New York: Cornell University.

Temuramah dengan Ustaz Che Ismail bin Abdul Halim pada 14 Jun 2012 di alamat 64A, Jalan 3/70, Seksyen 3, 43650 Bangi, Selangor.

The Singapore Free Press and Mercantile Adertiser. (24 Mac 1941).

The Straits Times. (8 Julai 1949).

The Straits Times. (25 Februari 1955).

The Straits Times. (28 April 1989).

The Straits Times. (4 Mei 1993).

Tim Media Pusindo. (2008). *Pahlawan Indonesia*. Jakarta: Media Pusindo.

Warta Persekutuan Melayu Mesir, Jil. 1, No. 1 (15 Februari 1962). Dalam SP 142. Persekutuan Melayu Mesir.

Yudi Latif. (2008). *Indonesian Muslim Intelligentsia and Power*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Publishing.

Za'ba. (1941). Recent Malay Literature. *JMBRAS*. 19 (1): 1-20.

Zuhairi Miswari. (2010). *Al-Azhar: Menara Ilmu, Reformasi, dan Kiblat Keulamaan*. Jakarta: Kompas Media Nusantara.

About the Authors

Abu Hanifah Haris is a Ph.D candidate at the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya. He can be contacted by email at abuhanifah@um.edu.my.

Professor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman (Ph.D) is a professor of history and former Head of Department of History, University of Malaya. He is currently the Dean, Faculty of Arts and Social Sciences, and Director of University of Malaya Centre of Election and Democracy (UMCEDEL), University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. He can be contacted by email at mredzuan@um.edu.my.